

Perubahan Peranan Pemuzik dalam Persembahan Boria Awal Abad Ke-21

The Changes of the Musicians' Role in the Early 21st Century Boria Performance

Noor Rafizal Paharul Rozi & Azrul Azizi Amirrul
Pusat Pengajian Seni, Universiti Sains Malaysia
emel: ¹rizalrafizal94@gmail.com, ²azrulazizi@usm.my

Diterbitkan dalam talian: 27 Jun 2023

Cite this article (APA): Paharul Rozi, N. R. & Amirrul, A. A. (2023). Perubahan peranan pemuzik dalam persembahan boria awal abad ke-21. *Jurai Sembah*, 4(1), 1-8. <https://doi.org/10.37134/juraisembah.vol4.1.1.2023>

Abstrak

Kajian ini melihat tentang perubahan peranan pemuzik dalam teater tradisional boria pada awal abad ke-21 di Pulau Pinang. Muzik merupakan salah satu daripada lima elemen yang terdapat dalam persembahan boria. Fungsi muzik digunakan dalam segmen kedua persembahan boria oleh komponen pemuzik. Perkembangan zaman menyebabkan muzik boria yang bercirikan tradisional terpaksa bersaing dengan hiburan popular pada lewat abad ke-20 sehingga peranan pemuzik kian diabaikan oleh sebilangan kumpulan boria. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor penyingkiran peranan pemuzik dalam persembahan boria pada awal abad ke-21 dan mengemukakan kelebihan disebalik penggantian pemuzik. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan temu bual dengan tiga orang tokoh boria dan pemerhatian terhadap persembahan lima kumpulan boria di Pulau Pinang. Hasil kajian ini mendapati faktor utama penyingkiran peranan pemuzik dalam persembahan boria kini adalah disebabkan pembayaran yang terhad oleh pihak penganjur. Bagaimanapun, apabila penggunaan format digital seperti MP3 digunakan, ia terbukti bahawa terdapat juga kelebihannya setelah penyingkiran pemuzik berlaku seperti dapat menjimatkan kos perbelanjaan kumpulan boria. Namun begitu, sewajarnya pemeliharaan dan pemuliharaan peranan pemuzik boria harus dilakukan oleh pelbagai pihak agar tidak pupus ditelan arus pemodenan, meskipun sukar untuk diwujudkan semula.

Kata kunci: kelestarian, muzik boria, pemeliharaan dan pemuliharaan, persembahan boria, teater tradisional


Abstract

This study examines the changes in the musicians' role in traditional theatre, boria, in the early 21st century in Pulau Pinang. Music is one of the five elements that can be found in a boria performance. The musical function is used in the second segment of the boria performance by the musicians' component. Over time, traditional boria music has been forced to compete with popular entertainment in the late 20th century, to the extent that some boria groups are increasingly ignoring the role of the musicians. This study aims to identify the factors that eliminate the musicians' role in boria performances in the early 21st century and propose the advantages behind substituting the said musicians. The study uses a qualitative method that involves interviews with several prominent boria figures and observations of the performances of five boria groups in Pulau Pinang. The study found that the main factor in eliminating the musicians' role in boria performances is now due to limited payment by the organizers. However, the use of digital formats, such as MP3, has shown many advantages after the elimination of musicians. One of the advantages is the cost-saving for boria groups. Therefore, it is appropriate for various parties and organizations to preserve and conserve the musicians' role to prevent it from being swallowed up by modernization, even though it may be difficult to recreate.

Keywords: boria music, boria performances, preservation and conservation, sustainability, traditional theatre

Pengenalan

Persembahan boria merupakan sebuah teater tradisional Malaysia yang mula bertapak di negeri Pulau Pinang pada awal abad ke-19. Persembahan boria pada peringkat awal banyak dikaitkan dengan peristiwa di Karbala oleh kaum Syiah yang telah dibawa masuk oleh tentera dari India ke Pulau Pinang (Mahani Musa, 2003). Walau bagaimanapun, persembahannya yang mengenang peristiwa kematian di Karbala telah berubah kepada hiburan umum (Ghouse Nasuruddin, 2000). Selain itu, teater tradisional boria mempunyai lima elemen iaitu sketsa, nyanyian, tarian, muzik dan kostum yang terdiri daripada komponennya seperti pelakon sketsa, tukang karang¹, *sailor*² dan pemuzik.



Rajah 1: Elemen dan komponen persembahan boria. (Sumber: Olahan pengkaji)

Menurut Rahmah Bujang (1987), persembahan boria mempunyai susunan tertib yang perlu dipatuhi berdasarkan dua segmen. Segmen pertama dimulakan dengan lakonan sketsa oleh pelakon-pelakon yang berpandukan tema dan penceritaan serta menampilkan lawak jenaka. Kemudian setelah persembahan sketsa tamat, ia akan diikuti dengan segmen kedua iaitu alunan muzik dimainkan sambil mengiringi persembahan nyanyian dan tarian sehingga tamat. Secara tidak langsung, pemuzik memainkan peranannya dengan menggunakan alatan muziknya untuk menjayakan segmen kedua dalam persembahan teater tradisional boria. Bagaimanapun perubahan elemen muzik telah pun berlaku pada masa kini apabila penggunaan MP3 telah menggantikan peranan pemuzik secara *live*. Kesan daripada itu, penonton tidak dapat melihat lagi para pemuzik dalam kumpulan boria terutama persembahan secara komersial. Berbanding dengan kebanyakan teater tradisional di Malaysia seperti makyong, mek mulung, jikey dan menora masih menggunakan elemen muzik yang dimainkan oleh pemuzik secara langsung sehingga hari ini.

Latar Belakang

Muzik merupakan elemen terpenting dalam persembahan teater tradisional boria. Alunan muzik yang dimainkan oleh sekumpulan pemuzik secara langsung yang mengiringi nyanyian dan tarian. Sementara itu, irungan muzik yang dimainkan adalah berbeza-beza bergantung pada tema dan penceritaan persembahan boria termasuklah alatan muzik yang digunakan (Mahd. Ishak, 1979). Selain daripada itu, terdapat perkaitan antara alatan muzik dengan penceritaan boria iaitu alatan muzik yang digunakan dalam cerita Arab adalah gambus, marwas, *violin* dan rebana (alat-alat muzik timur tengah), cerita India seperti tabla, harmonium, seruling dan *accordion*, cerita Cina seperti seruling, gong, dan gendang Cina, cerita Barat seperti *trumpet*, *violin*, *drum* dan *bagpipes* (Rahmah Bujang, 1987).

Walau bagaimanapun, secara umumnya alatan muzik yang sering digunakan oleh pemuzik dalam kumpulan-kumpulan boria seperti *violin*, marwas, tabla, harmonika, gambus, simbal, *accordion* dan gendang. Sememangnya, irungan muzik dapat menghidupkan suasana dan mengharmonikan persembahan yang dilakukan oleh sesebuah kumpulan boria. Bagaimanapun, alatan muzik boria mengalami perubahan mengikut peredaran masa (Ferdhaus Sazali et. al, 2014).

Persembahan teater tradisional boria pada masa kini pada keseluruhannya menggunakan struktur muzik Barat dan alat-alat muzik Barat yang digunakan seperti gitar elektrik, *organ*, *drum set* dan ada kalanya *clarinet*, *saxophone* dan *violin*. Oleh hal yang demikian, boria yang masih kuat dengan ciri-ciri muzik tradisional terpaksalah pula bersaing dengan hiburan popular pada lewat abad ke-20 (Kadir Yusoff, 1988). Jibril Khalil seperti dalam Kalsom Rahmathulah (2015), menyatakan bahawa perubahan muzik yang dahulunya menggunakan bantuan alat muzik mampu mencecah 20 hingga 30 rangkap boria berbanding penggunaan *minus one* yang terhad mengikut durasi muzik kini.

Sebenarnya aspek yang penting dalam muzik adalah keupayaan para pemuzik untuk membawa irama yang dapat mengiringi nyanyian tukang karang (Pravina et. al, 2011). Namun begitu, pemuzik dalam persesembahan boria kian diabaikan oleh sebilangan kumpulan boria bermula lewat abad ke-20. Kesannya juga telah mengakibatkan perubahan peranan pemuzik secara meluas pada awal abad ke-21 dan ditukar ganti dengan penggunaan format digital seperti MP3³. Ekoran daripada itu, pengkaji menggunakan dua objektif kajian iaitu mengenal pasti faktor-faktor penyingkiran peranan pemuzik dalam persesembahan boria pada awal abad ke-21 dan mengemukakan kelebihan di sebalik penggantian pemuzik.

Metodologi

Pengkaji memilih pendekatan kualitatif kerana kesesuaianya bertepatan dengan tajuk kajian agar memperoleh maklumat yang terperinci untuk dibincangkan. Justeru, dua kaedah kajian yang digunakan iaitu temu bual dan pemerhatian. Temu bual informan melibatkan tiga orang tokoh boria yang juga merangkap ketua kumpulan boria iaitu En. Omar bin Md. Hashim atau dikenali dengan panggilan Omara, Jibran Khalil Sinda Madar dan Syed Akir Syed Ahmad. Justifikasinya, terdapat tiga tokoh boria sahaja yang masih kekal sehingga hari ini dan mereka merupakan perintis untuk sejarah boria di negeri Pulau Pinang yang diberi pengiktirafan oleh PEMENANG (Persatuan Melayu Pulau Pinang).

Jadual 1: Latar belakang informan. (Sumber: Dapatkan kajian)

Nama tokoh boria	Umur pada tahun 2023	Pengalaman dalam boria	Penempatan kini	Nama kumpulan
Omar Md. Hashim	69 tahun	58 tahun	Taman Pauh, Permatang Pauh Seberang Perai, Pulau Pinang	Boria Omara
Syed Akir Syed Ahmad	71 tahun	33 tahun	Kampung Melayu, Air Itam Pulau Pinang	Boria Kombinasi
Jibran Khalil Sinda Madar	56 tahun	42 tahun	George Town, Pulau Pinang	Boria Wawasan

Manakala pemerhatian oleh pengkaji pula dibuat berdasarkan persembahan boria yang terdiri daripada lima kumpulan seperti Boria Omara, Boria Kombinasi, Boria Wawasan, Boria Budayasaki dan Boria Perpustakaan Awam Pulau Pinang. Justifikasinya, lima kumpulan ini masih aktif dan sering melakukan persembahan boria di majlis-majlis melalui jemputan oleh pihak pengajur. Malah lima kumpulan ini telah bekerjasama dengan pihak JKKNPP⁴ dalam menjayakan program-program yang melibatkan boria. Ekoran daripada itu, lokasi kajian hanya memfokuskan di negeri Pulau Pinang. Berdasarkan Jadual 2 berikutnya menunjukkan pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji untuk kelima-lima kumpulan boria.

Jadual 2: Pemerhatian oleh pengkaji berdasarkan lima kumpulan boria.

Kumpulan Boria	Tajuk/Tema Persembahan Boria	Tahun Persembahan	Tempat Persembahan
Kombinasi	Santai dan berhibur	Disember 2018	Politeknik Balik Pulau, Pulau Pinang
Perpustakaan Awam Pulau Pinang	Amalan Membaca	November 2019	Auditorium Perpustakaan Awam, Pulau Pinang
Omara	Cuti-cuti Malaysia	Januari 2020	MYDIN Mall, Pulau Pinang
Budayasaki	Keusahawanan	Ogos 2020	Lexis Suites, Pulau Pinang
Wawasan	COVID-19	Oktober 2020	Street Art George Town, Pulau Pinang

Perbincangan

Kajian ini mendapati kelima-lima kumpulan iaitu Boria Omara, Boria Kombinasi, Boria Wawasan, Boria Budayaseri dan Boria Perpustakaan Awam Pulau Pinang tidak mempunyai komponen pemuzik dalam kumpulan mereka. Bagaimanapun, mereka telah menggunakan rakaman *minus one*⁵ yang berformat digital seperti MP3 setiap kali persembahan teater tradisional boria berlangsung. Hal ini secara tidak langsung perubahan telah berlaku dengan menyingkirkan peranan pemuzik dalam persembahan boria kini iaitu awal abad ke-21. Sesungguhnya beberapa faktor perubahan yang menyebabkan penyingkirkan pemuzik dapat dinyatakan seperti dalam perbincangan berikut.

Pembayaran yang Terhad oleh Pihak Penganjur

Persembahan teater tradisional boria kini yang bersifat komersial amat memerlukan keuntungan dan dapat menambah pendapatan sampingan sesebuah kumpulan boria. Setiap kali kumpulan-kumpulan yang dijemput oleh pihak penganjur untuk mempersembahkan boria memerlukan jumlah bayaran tertentu. Sementara itu, jumlah bayaran untuk setiap kumpulan adalah berbeza-beza. Berdasarkan kelima-lima ketua kumpulan, anggaran satu persembahan boria mereka di Pulau Pinang adalah bermula RM2,000 hingga RM3,000. Namun begitu, bayaran akan dinaikkan jika persembahan boria tersebut dilaksanakan luar dari Pulau Pinang. Bukan itu sahaja, jumlah bayaran juga bergantung pada permintaan khas pihak penganjur dan jarak lokasi persembahan yang akan diadakan. Hal ini juga telah menyebabkan pihak penganjur akan membuat rundingan harga kepada sesebuah kumpulan boria sebelum memutuskan sama ada ia diterima atau ditolak. Rundingan harga dibuat kerana pembayaran adalah terhad mengikut bajet yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur.

Berdasarkan maklum balas oleh ketiga-tiga informan, pihak penganjur sering memberikan alasan bajet yang kurang untuk mendapatkan bayaran yang rendah. Malah, terdapat juga pihak penganjur memberikan cadangan kepada ketua kumpulan untuk memotong segmen pertama iaitu lakonan sketsa dan mengurangkan jumlah *sailor* agar pembayaran persembahan dapat dikurangkan. Menurut Omara, jika pemotongan lakonan sketsa dilakukan yang mempunyai sekurang-kurangnya tiga orang pelakon, maka akan hilangnya struktur terpenting dalam boria (Omara, temubual, Julai 10, 2020). Manakala jumlah *sailor* yang dikurangkan juga menyebabkan hilangnya kemeriahannya untuk segmen kedua kerana boria popular dengan penglibatan *sailor* yang ramai. Berdasarkan pemerhatian ke atas kelima-lima kumpulan boria, jumlah *sailor* paling minimum adalah 10 orang. Hal ini secara tidak langsung menyebabkan kumpulan boria kini terpaksa menyingkirkan pemuzik dan digantikan dengan MP3 untuk memotong jumlah pembayaran yang rendah.

Memerlukan Jangka Masa yang Lama dalam Sesi Latihan

Sesi latihan untuk segmen kedua dalam persembahan teater tradisional boria melibatkan tukang karang, *sailor* dan pemuzik sebelum menuju persembahan sebenar. Tiga komponen boria berikut memerlukan latihan secara individu dan kelompoknya sendiri seperti berikut:

Jadual 3: Sesi latihan segmen kedua dalam boria. (Sumber: Olahan Pengkaji)

Komponen boria	Sesi latihan	
	Proses pertama	Proses kedua
Tukang karang	Individu	
<i>Sailor</i>	Kelompok	Bergabung
Pemuzik	Kelompok	

Berdasarkan Jadual 3 di atas menunjukkan sesi latihan memerlukan jangka masa yang lama dalam sesi latihan bagi ketiga-tiga komponen tersebut. Selain itu, kebiasaan pemuzik memerlukan masa yang lebih lama berbanding tukang karang dan *sailor* kerana pemuzik memerlukan kerja-kerja seperti menyusun dan memasang peralatan muzik serta membuat *sound check*. Bukan itu sahaja, proses kedua dalam sesi latihan akan bertambah masa yang lama apabila tukang karang dan *sailor* terpaksa berhenti secara tiba-tiba jika pemuzik melakukan kesilapan semasa bermain alat muzik. Keadaan ini tentunya menyebabkan peranan

pemuzik tidak lagi digunakan dalam kumpulan boria kini kerana ia dapat menjimatkan masa latihan dengan menggunakan format digital seperti MP3 yang telah dirakam terlebih dahulu di studio. Berdasarkan temu bual bersama ketiga-tiga informan, mereka bermula dengan lagu berbentuk *minus one* sejak di awal penubuhan kumpulan lagi sehingga hari ini bagi memudahkan proses latihan. Kesannya, mereka tidak mempunyai para pemuzik boria sebagai amalan dalam kumpulan untuk menjadi pengamal sejati kepada persembahan boria. Pernyataan oleh Omara, beliau pernah berusaha untuk mewujudkan kembali pemuzik secara langsung dalam kumpulannya malah beliau juga mempunyai kumpulan pemuzik untuk ghazal partinya, namun usaha itu tidak tercapai kerana masalah penerimaan bayaran yang rendah oleh pihak penganjur masih tiada kesudahan (Omara, temubual, Julai 10, 2020).

Kurang Penglibatan Pemuzik

Penglibatan kumpulan pemuzik yang kurang di Pulau Pinang untuk menyertai kumpulan persembahan boria menyebabkan pelapis baharu tidak lagi wujud sehingga peranan pemuzik kini terus disingkirkan. Menurut Jibran dalam sesi temu bual telah menyatakan bahawa beliau sukar untuk mendapatkan golongan muda untuk dilatih sebagai pemuzik dalam persembahan teater tradisional boria (Jibran, temubual, Julai 8, 2020). Selain itu, seseorang pemuzik yang tahu cara untuk bermain alatan muzik adalah tidak cukup, tetapi ia memerlukan pendidikan, pengalaman, pemahaman pelbagai genre muzik dan dapat membaca skor muzik dengan baik. Sebenarnya, kekangan ini menyebabkan kumpulan-kumpulan boria mengambil pendekatan untuk tidak lagi menggunakan pemuzik dalam persembahan mereka. Secara tidak langsung, ia memberi kesan yang buruk pada kelestarian pemuzik dalam boria.

Memerlukan Jumlah Tenaga Manusia yang Banyak

Jumlah tenaga manusia yang banyak diperlukan semasa membawa, menyusun dan memasang peralatan muzik sebelum persembahan bermula. Kemudian, memerlukan mereka untuk membuka, menyimpan dan membawa pulang peralatan muzik setelah persembahan berakhir. Selain daripada itu, lokasi dan keadaan tempat persembahan akan menjadi masalah kepada pemuzik untuk menguruskan alat-alat muzik yang digunakan. Misalnya, kenderaan yang besar diperlukan untuk membawa semua peralatan muzik ke lokasi persembahan, kemudian mereka terpaksa mengeluarkan daripada kenderaan untuk dibawa ke atas pentas. Tambahan pula, ruang pentas selalu berbeza-beza yang disediakan oleh pihak penganjur. Kesemua ini mendorong kerumitan kepada kumpulan boria sebelum, semasa dan selepas persembahannya. Secara tidak langsung juga, ketua kumpulan perlu membayar mereka dengan jumlah tenaga manusia yang banyak, sedangkan pembayaran yang diterima oleh pihak penganjur adalah rendah. Hal ini akan memberi impak yang tidak baik untuk mengekalkan kelestarian pemuzik boria.

Menjadi Ikutan setiap Kumpulan

Dalam meniti arus pemodenan ini, kumpulan boria di Pulau Pinang memilih pendekatan untuk menyingkirkan pemuzik dalam persembahan mereka kerana ia tidak melanggar etika boria dan tidak mengubah struktur teater tradisional boria. Hal ini tentu sekali membuatkan penyingkiran pemuzik perlahan-lahan menjadi ikutan oleh kumpulan boria yang lain. Bertepatan dengan pemerhatian yang telah dilakukan dalam kelima-lima kumpulan boria, mereka tidak lagi menggunakan komponen muzik untuk segmen kedua. Bersangkutan dengan itu juga, mereka sudah selesa dan terbiasa apabila tiada pemuzik. Punca utama yang sering diperkatakan oleh ketua masing-masing kepada pengkaji adalah tentang penerimaan bayaran oleh pihak penganjur. Di samping itu, mereka beranggapan bahawa pemuzik dan alatannya banyak mendatang kerumitan berbanding penggunaan MP3 yang banyak memudahkan sesi latihan dan semasa persembahan berlangsung. Malah, ia sukar untuk mengekalkan kelestarian pemuzik dalam segmen kedua boria.

Meskipun beberapa faktor penyingkiran pemuzik telah dinyatakan, tetapi ia tidak boleh dinafikan bahawa terdapat juga kelebihan di sebalik perubahan yang dilakukan oleh kumpulan-kumpulan boria ini. Sememangnya, perubahan elemen muzik daripada pemuzik secara langsung kepada *minus one* berformat digital seperti MP3 yang dirakam terlebih dahulu di studio mempunyai banyak kelebihannya seperti berikut:

Menjimatkan Kos Perbelanjaan

Penggunaan *minus one* yang berformat digital seperti MP3 dapat jimat kos perbelanjaan. Hal ini kerana kos penghasilan muzik tidak terlalu tinggi berbanding kos yang perlu dibayar oleh ketua kumpulan kepada pemuzik. Dalam konteks ini, kos yang dikeluarkan oleh ketua kumpulan untuk rakaman muzik di studio hanya dibayar sekali sahaja dan menjadi hak milik kekal. Berdasarkan hasil temu bual, anggaran penghasilan lagu baharu tanpa lirik adalah RM1,000 dan boleh meningkat lagi jumlah bayaran tersebut. Dengan berbuat demikian, muzik MP3 yang telah siap dihasilkan dapat digunakan berulang-ulang kali dalam persesembahan teater tradisional boria. Sebaliknya, kos untuk membayar pemuzik pula sentiasa berlaku apabila setiap kali persesembahan boria selesai. Seterusnya, kos perbelanjaan dapat dijimatkan kerana ketua kumpulan tidak memerlukan penghasilan kostum pemuzik apabila pemuzik ditukar ganti dengan MP3.

Memudahkan Proses Latihan Tukang Karang dan *Sailor*

Penggunaan muzik MP3 yang disimpan ke dalam CD⁶ dan kemudiannya dipasangkan di radio dapat memudahkan proses latihan tukang karang dan *sailor*. Selain itu, mereka yang menyimpannya ke dalam telefon pintar dan kemudiannya dipasangkan terus melalui pembesar suara telefon tersebut. Disebabkan keistimewaan inilah proses latihan untuk segmen kedua teater tradisional boria iaitu nyanyian oleh tukang karang dan tarian oleh *sailor* menjadi lebih cepat dan tidak membuang masa. Ekoran daripada itu, mereka dapat *play*, *stop*, *pause*, *rewind* dan *forward* muzik yang diinginkan di radio atau di telefon pintar pada bila-bila masa semasa proses latihan dijalankan. Sesungguhnya, penggunaan muzik MP3 telah memberi kelebihan pada segmen kedua dalam persesembahan boria.

Menghasilkan Pelbagai Unsur Muzik

Kecanggihan alat rakaman kini yang dapat menghasilkan pelbagai unsur muzik dalam satu muzik boria berbentuk MP3. Begitu juga dengan alatan muzik boleh ditambah mengikut semaksimum yang mungkin kerana ia tidak terhad penggunaannya dan mengikut kreativiti sesebuah kumpulan boria. Hal ini demikian kerana peralatan muzik yang digunakan dalam persesembahan boria tidaklah begitu khusus (Pravina et. al, 2011). Bukan itu sahaja, terdapat juga muzik semasa *sailor* dan tukang karang masuk dan keluar adalah sama rentak atau iramanya berbanding dengan muzik pertengahan semasa *sailor* menari dan semasa tukang karang menyanyi. Keadaan ini tentunya proses pengeditan muzik akan berlaku seperti *cut*, *copy* dan *paste* dengan jumlah minit yang telah dikehendaki oleh ketua kumpulan. Dalam zaman yang serba canggih ini, kumpulan-kumpulan boria telah mengambil pendekatan sebegini untuk memudahkan elemen muzik boria agar dapat dihasilkan dengan baik dan sempurna mengikut cita rasa masing-masing.


Mudah Dibawa ke Mana Sahaja

Muzik MP3 yang digunakan oleh kumpulan-kumpulan boria kini dapat memudahkan ia dibawa ke mana sahaja sama ada dalam sesi latihan dan persesembahan sebenar. Terdapat kumpulan boria memasukan muzik MP3 ke dalam peranti seperti CD, telefon pintar atau *pen drive*. Ketiga-tiga peranti ini tidak rumit, ringan, saiz yang kecil, mudah disimpan dan boleh dibawa ke mana sahaja. Secara tidak langsung, ia dapat memudahkan kerja pemasangan muzik boria oleh pihak *sound system* di tempat persembahan yang akan berlangsung. Malah masa juga dapat disingkatkan semasa proses *sound check* antara kumpulan boria dengan pihak *sound system*. Oleh itu bolehlah dikatakan bahawa penggunaan muzik boria berbentuk MP3 mendatangkan banyak kelebihan berbanding pemuzik secara langsung dengan peralatan muziknya

Menjimatkan Ruang Pentas

Kebanyakan pihak penganjur hanya akan memaklumkan kepada kumpulan boria berkaitan dengan tarikh, masa dan lokasi serta majlis yang diadakan oleh mereka. Bagaimanapun, keadaan tempat persembahan dan pentas hanya diketahui setelah kumpulan boria sampai ke majlis yang dijemput oleh pihak penganjur untuk melakukan persembahan boria. Dalam konteks ini, masalah akan timbul apabila ruang pentas yang akan digunakan adalah kecil dan sempit. Oleh hal yang demikian, penggunaan MP3 adalah yang terbaik untuk menjimatkan ruang pentas apabila peranan pemuzik disingkirkan. Secara tidak langsung, ruang pentas dapat digunakan sepenuhnya untuk segmen pertama dan segmen kedua yang melibatkan pelakon sketsa, tukang

karang dan *sailor*. Berdasarkan rajah di bawah menunjukkan perbezaan penyusunan tempat untuk segmen kedua boria yang menggunakan pemuzik dan tanpa pemuzik dengan panjang dan lebar pentas yang sama.



Rajah 2: Perbezaan penyusunan tempat di atas pentas segmen kedua dengan penglibatan pemuzik dan tanpa penglibatan pemuzik. (Sumber: Olahan pengkaji)

Kesimpulan

Berdasarkan hasil perbincangan telah dinyatakan oleh pengkaji, kajian ini mendapati bahawa faktor utama penyingkirkan peranan pemuzik dalam persembahan teater tradisional boria kini adalah disebabkan pembayaran yang terhad oleh pihak penganjur. Selain itu, faktor-faktor lain juga turut menyokong keadaan penyingkirkan peranan pemuzik berlaku seperti memerlukan jangka masa yang lama dalam sesi latihan, penglibatan pemuzik yang kurang, memerlukan jumlah tenaga manusia yang banyak dan menjadi ikutan setiap kumpulan. Namun begitu, faktor-faktor penyingkirkan peranan pemuzik menyebabkan ia ditukar ganti dengan penggunaan format digital seperti MP3 yang dimasukkan ke dalam peranti seperti CD, telefon pintar dan *pen drive* yang telah terbukti bahawa terdapat banyak kelebihan penggunaannya. Melalui perkembangan teknologi yang semakin maju, kumpulan boria juga tidak terlepas menyesuaikannya ke dalam elemen muzik. Antara kelebihan penggunaan MP3 untuk muzik boria seperti menjimatkan kos perbelanjaan kumpulan boria, memudahkan proses latihan tukang karang dan *sailor*, dapat menghasilkan pelbagai unsur muzik, mudah dibawa ke mana sahaja dan menjimatkan ruang pentas. Kesemua ini telah mencapai objektif kajian yang mendorong kepada perubahan peranan pemuzik dalam persembahan boria awal abad ke-21 sehingga ia disingkirkan.

Menyedari hakikat di atas, pengkaji membuktikan bahawa walaupun terdapat pembaharuan dalam elemen muzik tetapi ia tidak melanggar etika boria dan tidak mengubah struktur dalam persembahan teater tradisional boria. Malah tujuan persembahan masih kekal untuk menyampaikan mesej berdasarkan tema yang dipilih sambil berhibur. Meskipun begitu, pembaharuan yang dilakukan ini menyebabkan masyarakat tidak lagi dapat melihat peranan pemuzik yang memainkan alatan muzik secara langsung dalam mana-mana kumpulan persembahan boria kini secara komersial. Di samping itu juga, pelapis baharu akan sukar untuk mendapatkan rujukan. Teater tradisional di Malaysia yang lain seperti makyong, mek mulung, jikey dan menora yang berbentuk komersial masih menggunakan pemuzik secara langsung. Hal ini kerana teater tradisional tersebut masih menyimpan kepakaran pemuzik yang sejati untuk melakukan persembahan sehingga kini berbanding boria. Keadaan ini tentunya pelaksanaan kelestarian pemuzik adalah sukar untuk dilakukan dalam persembahan teater tradisional boria kini yang berbentuk komersial. Oleh hal yang demikian, sewajarnya pemeliharaan dan pemuliharaan peranan pemuzik boria masih boleh dan harus dilakukan oleh pelbagai pihak agar tidak pupus ditelan arus pemodenan.

Nota

1. Merupakan seorang ketua dalam nyanyian yang berada di barisan paling hadapan semasa persembahan berlangsung sambil mengayunkan sebatang tongkat di tangan kanannya.
2. Gelaran kepada penari yang berada di belakang tukang karang dengan melakukan gerakan tari sambil bernyanyi dalam segmen kedua dalam persembahan boria.
3. MP3 adalah akronim untuk MPEG-1 Audio Layer 3 yang menyimpan bunyian dalam bentuk digital.
4. Akronim untuk Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Pulau Pinang.
5. *Minus one* adalah rakaman muzik yang dihasilkan tanpa suara penyanyi. Oleh itu, seseorang perlu bernyanyi secara *live* dengan menggunakan muzik tanpa pemuzik.
6. CD merupakan alat peranti yang merujuk pada cakera padat dan ia mampu menyimpan bunyi-bunyian secara digital.

Rujukan

- Ferdhaus Sazali, Masitah Muhibudin, & Badaruddin Mohamed. (2014). Warisan kebudayaan boria dan pelancongan. Dalam M. K. Abdul Rahman, T. Masron, & M. I. Ahmad (Eds.), *Merekayasa kearifan tempatan: Citra seni dalam teknologi*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Jibran dipetik daripada Kalsom. (2015, Oktober). *Boria dapat perhatian kembara bahasa*. Berita Harian Online. Dicapai 6 Julai 2020. <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/10/92426/boria-dapat-perhatian-kembara-bahasa>
- Mahani Musa. (2003). Boria Muharam: Antara kreativiti dan realiti masyarakat Melayu Pulau Pinang abad ke-19 dan ke-20. *Wacana Seni Journal of Arts Discourse*. 2(2), 19-39.
<https://ejurnal.usm.my/wacanaseni/article/view/ws-vol2-2003-2/pdf>
- Mahd. Ishak Abdul Razak. (1979). *Sejarah boria*. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia.
- Mohd. Ghouse Nasuruddin. (2000). *Teater tradisional Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pravina, M., Mohd Azam Sulong, & YM Raja Azuan Nahar Raja Adnan. (2011). *Muzik tradisional muzik sinketik*. Pusat Reka Bentuk Pengajaran dan Teknologi Open University Malaysia.
- Rahmah Bujang. (1987). *Boria a form of Malay theatre*. Institute of SE Asian Studies.
- Wan Abdul Kadir Wan Yusoff. (1988). *Budaya popular dalam masyarakat Melayu bandaran*. Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia.

Penghargaan

Penulisan ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan melalui geran penyelidikan Jangka Pendek Universiti Sains Malaysia (*short term grant*), 304/PSENI/6315368.